



Headline	MyKira GST bantu pengguna		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	218,251
Page No	A5	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,038
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,154



MyKira GST bantu pengguna

SEJAJAR dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar enam peratus bermula 1 April lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengambil inisiatif dan proaktif memperkenalkan pelbagai mekanisme untuk pengguna membuat aduan.

Salah satu daripadanya ialah sistem aplikasi telefon mudah alih yang dikenali sebagai MyKira GST. Aplikasi tersebut membantu para pengguna membuat semakan harga barangan dan perkhidmatan sebelum sebarang pembelian dilakukan.

Aplikasi MyKira GST dilancarkan oleh menterinya,

Datuk Seri Hasan Malek di Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP), Ibu Pejabat KPDNKK di Putrajaya pada 30 Mac lalu.

"Aplikasi interaktif yang bersifat mesra pengguna ini dibangunkan oleh pihak KPDNKK dengan kerjasama MIMOS Berhad. Ia membantu orang ramai membuat semakan harga barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar segera sebelum urusan membeli-belah dilakukan," jelas Hasan.

Antara ciri utama aplikasi MyKira GST ialah pengguna boleh menyemak 10,000 harga barangan yang berada di pasaran selain memberi kemudahan kepada pengguna membuat aduan secara terus dengan

menggunakan saluran e-Aduan yang tersedia dalam aplikasi berkenaan.

Pada masa yang sama, MyKira GST turut memberi panduan

kepada pengguna cara membuat aduan kepada pihak KPDNKK dan menyalurkan informasi tentang GST secara menyeluruh kepada orang ramai.

Turut hadir dalam majlis pelancaran tersebut ialah

Timbalan Menteri KPDNKK, Datuk Seri Ahmad Bashah Md.Hanipah, Ketua Setiausaha KPDNKK, Datuk Seri Alias Ahmad dan Pengarah Penguat Kuasa KPDNKK, Mohd. Roslan Mahayudin.



HASAN (kanan) sewaktu melancarkan PGAP dan aplikasi MyKira GST di Putrajaya pada 30 Mac 2015. Turut kelihatan Ahmad Bashah (dua dari kanan), Alias (tiga dari kanan) dan Mohd. Roslan (kiri).



PENGERUSI Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Johor, Datuk Tee Siew Kiong (kiri) dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Johor, Nor Nekman Jaimon (dua dari kiri), menunjukkan cara menggunakan aplikasi MyKira GST di Pasar Raya Kip Mart Tampoi, Johor pada 2 April lalu.